

CNS1804

U GB 16-12 00496 CR014

aabt 161600

Kajian-Pendahuluan

PRESTASI RME MEMBANGGAKAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Prestasi ekonomi negara dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keenam adalah membanggakan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bertambah dengan kadar yang lebih tinggi daripada yang dijangkakan dalam RM6, hasil daripada langkah-langkah sesuai yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengukuhkan lagi daya tahan dan daya saingan negara, katanya.

"Pertumbuhan yang menggalakkan ini dijangka terus dicapai dalam tempoh dua tahun yang akan datang," kata Dr Mahathir sebagai pendahuluan dalam laporan Kajian Separuh Penggal RM6 (1991-1995) yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya perkembangan paling menggalakkan dalam tempoh kajian semula ini ialah peranan aktif yang telah dimainkan oleh sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara.

Dasar pnswastaan yang telah dilaksanakan secara giat dan jayanya serta penekanan kepada perkembangan industri dan pelancongan juga telah membuka peluang-peluang produktif yang luas bagi sektor swasta untuk terus menambah pelaburan dalam ekonomi negara. -- Lagi

Kajian-Pendahuluan 2 Kuala Lumpur

Kerajaan, kata Dr Mahathir, akan terus menyediakan sokongan dan galakan kepada sektor swasta untuk meningkatkan lagi peranan utamanya dalam ekonomi sejajar dengan semangat Persyarikatan Malaysia.

Sungguhpun perkembangan ekonomi yang pesat telah meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan, ianya juga telah menimbulkan beberapa masalah seperti tekanan inflasi serta kekurangan kemudahan infrastruktur dan tenaga buruh, yang merupakan masalah-masalah yang sering timbul dalam ekonomi negara maju, katanya.

"Kerajaan telah mengambil tindakan serta merta untuk mengatasi masalah-masalah ini. Hasil daripada ini, negara telah dapat mengawal inflasi, memperbaiki keupayaan kemudahan infrastruktur serta mengurangkan masalah penawaran buruh," kata Perdana Menteri.

Menurut beliau, penyelesaian masalah kekurangan tenaga buruh ialah melalui penggunaan teknologi lebih berintensifkan modal.

Dr Mahathir juga berkata dalam usaha kerajaan yang berterusan untuk mencapai pertumbuhan lebih tinggi, ia juga sedar betapa pentingnya dipastikan kekayaan diagihkan secara saksama antara kumpulan dalam masyarakat. -- Lagi

"Dasar kerajaan ialah mencapai pertumbuhan dan agihan yang saksama, dan dengan demikian, kerajaan akan terus melaksanakan dasar dan program untuk mengurangkan kadar kemiskinan pada keseluruhannya dan menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus melaksanakan dasar dan program ini supaya semua rakyat Malaysia akan merasa bangga terhadap penyertaan penuh mereka dalam kemajuan ekonomi negara menjelang tahun 2020.

Dr Mahathir mengingatkan rakyat supaya tidak leka dengan kejayaan ini kerana daya saingan ekonomi dunia telah bertambah.

Malaysia, sebuah sebagai negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, perlu berupaya bertindak dengan cekap dan pantas bagi menghadapi perubahan dalam perdagangan dan pelaburan.

"Negara perlu mengukuhkan lagi daya tahan dan daya saingannya. Kita juga perlu meneruskan usaha mengenal pasti sumber pertumbuhan baru, menjadi lebih inovatif serta menggunakan teknologi moden supaya dapat mengekalkan pertumbuhan dan daya saingan," katanya.

Dr Mahathir juga menyeru rakyat supaya bekerja lebih kuat dan mempunyai nilai positif bagi mewujudkan satu budaya produktiviti dan kecemerlangan.

-- Bernama